

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS MELAKA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN  
PERUSAHAAN PEMBUATAN 'TABLE WARE'  
BERASASKAN SERAMIK ( Fine stoneware )**

***CERA DYNAMIC ENTERPRISE***

**DISEDIAKAN UNTUK:**


**EN. SHAMSUDIN BIN HUSIN  
KOORDINATOR ETR 300**

**DISEDIAKAN OLEH:**

<b>AZLIANA ABD KHALID</b>	<b>94618443</b>
<b>DZURIANA HJ OMAR</b>	<b>94546518</b>
<b>FIRDAUS MOHD DARUS</b>	<b>94417160</b>
<b>ROMY SUHAILA SAID</b>	<b>94452019</b>
<b>YUSMARIZAL ABD LATIF</b>	<b>94588390</b>

**DIPLOMA PENGURUSAN BANK**

**BAHAGIAN 05  
18 OKTOBER 1996**



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 2hb. Ogos 1996  
Surat Tuan:  
Surat Kami: 100-CM(AKA 30/7B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963 06-5591067

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar-pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma In Banking Studies. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai salah satu syarat bagi memenuhi keperluan matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Azliana Abd Khalid	94618443
2.	Dzuriana Hj Omar	94546518
3.	Firdaus Mohd Darus	94417160
4.	Romy Suhaila Said	94452019
5.	Yusmarizal Abdul Latif	94588390

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

  
ASMAH HJ. ZAINUDDIN  
Ketua Kursus DIB  
ITM Melaka.  
h/p Pengetua

Diploma Pengurusan Bank  
Bahagian 05  
Institut Teknologi Mara  
78000 Alor Gajah  
Melaka

18 Oktober 1996

En Shamsudin Bin Husin  
Koordinator Asas Keusahawanan ( ETR 300 )  
Institut Teknologi Mara  
Kampus Melaka  
78000 Alor Gajah  
Melaka

Tuan,

### LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Merujuk kepada perkara di atas, di sini kami mengemukakan Laporan Rancangan Perniagaan seperti yang telah diarahkan mengikut prosuder yang telah ditetapkan.

Matlamat utama laporan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar dengan lebih dekat lagi dalam dunia perniagaan yang semakin mencabar di kala ini. Ini kerana setiap perniagaan yang dijalankan adalah bermula dari teknik-teknik asas dan laporan ini merupakan sebahagian daripadanya.

Kami telah berusaha sedaya upaya kami dalam menyiapkan kertas kerja ini mengikut kemampuan kami dan berharap ianya dapat memenuhi segala keperluan Tuan dan menepati kehendak matapelajaran Asas Keusahawanan ( ETR 300 ).

Akhir sekali kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Tuan di atas segala panduan, nasihat dan tunjuk ajar yang dihulurkan sehingga terhasilnya Rancangan Perniagaan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

-----  
(FIRDAUS B MOHD DARUS )

-----  
( AZLIANA ABD KHALID )

-----  
( DZURIANA HJ OMAR)

-----  
( YUSMARIZAL B ABD LATIF )

-----  
( ROMY SUHAILA SAID )

## PENGENALAN

Cera Dynamic Enterprise adalah sebuah syarikat perkongsian yang bergiat dalam membuat barangan 'tableware' ( Tea.set - 15 item ) berasaskan seramik ( Fine stoneware ). 'Fine stoneware' adalah satu bahan yang lebih baik daripada 'stoneware'. Ia tidak mudah pecah di sebabkan kandungan udara dan keporosan air yang lebih rendah daripada 'stoneware' jika di bandingkan dengan bahan-bahan seramik yang lain. Ia lebih murah dan sesuai untuk golongan berpendapatan sederhana.

Penglibatan syarikat kami dalam perusahaan ini mendapat sokongan penuh dari pihak SIRIM BHD. memandangkan perusahaan pembuatan dari 'fine stoneware' ini masih belum wujud di Malaysia. Kami di beri bantuan dari segi teknologi dan khidmat nasihat dalam pemrosesan 'fine stoneware'.

Pada masa yang sama, pihak MIDA ( Malaysian Industrial Development Authority ) sedia memberi taraf perintis kepada syarikat kami sebagai langkah untuk menggalakkan golongan bumiputera bergiat dalam aktiviti perusahaan terutama dalam bidang baru yang belum di terokai.

Sebagai satu-satunya golongan bumiputera yang mengeksport 'Tea set' berasaskan seramik 'fine stoneware', kami tidak mempunyai pesaing tempatan. Manakala sasaran pasaran kami ialah ke Amerika Syarikat, Jerman, Singapura, Taiwan dan Hong Kong.

Kami telah memilih kawasan Perindustrian Oakland Seremban sebagai tapak kilang kami. Ia merupakan sebuah kawasan perkilangan yang baru dibuka dan mempunyai segala kemudahan yang lengkap.

Cera Dynamic Enterprise ditadbir dan diuruskan oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh empat orang pegawai-pegawai yang lain.